

## Penggunaan Teknik *Scaffolding* melalui Bimbingan Berkelompok dalam Meningkatkan Kualiti Tugasan Pelajar

(Use of Scaffolding Techniques through Group Guidance in Improving the Quality of Student Assignments)

NOR KHAYATI BASIR, FATIN IZATI MOHD TAHER, ZAH RATUN SAKINAH JAMALUDDIN  
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membimbing pelajar dalam meningkatkan kualiti tugasan pentaksiran secara bimbingan berkelompok melalui teknik *scaffolding*. Responden kajian terdiri daripada seorang pensyarah kursus dan 4 orang pelajar semester 2 yang telah mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan tugasan pentaksiran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21032) semasa semester 1 di Politeknik Kuching Sarawak. Kajian tindakan ini menggunakan temu bual berstruktur dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data sebelum intervensi dijalankan. Semasa langkah intervensi, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian manakala soal selidik pula digunakan selepas fasa intervensi bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan bimbingan berkelompok. Data temubual dianalisis secara manual bagi menentukan tema-tema berdasarkan objektif kajian. Manakala data soal selidik dianalisis secara manual dengan mengambil kira nilai kekerapan, peratus, dan min berdasarkan objektif. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan kaedah bimbingan berkelompok melalui teknik *scaffolding* dapat menarik minat dan membentuk sikap yang positif pelajar, meningkatkan tahap kepuasan pelajar, dan meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran dalam proses melaksanakan tugasan yang lebih berkualiti. Melalui kajian ini, pengkaji berharap para pensyarah dapat mengukuhkan kaedah bimbingan pelajar melalui teknik *scaffolding* dalam menghasilkan tugasan pentaksiran yang lebih cemerlang bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai secara menyeluruh.

Kata Kunci: Teknik *scaffolding*, kaedah bimbingan berkelompok, tugasan pelajar

### Abstract

This study aims to guide students in improving the quality of assessment tasks through group coaching by using the scaffolding technique. The respondents of the study consist of a course lecturer and four second-semester students who have experience in the implementation of assessment tasks for a course named Appreciation of Ethics and Civilization (MPU21032) at Politeknik Kuching Sarawak. This action research used structured interviews as well as document analysis as data collection methods before the intervention is carried out. During the intervention step, the researcher used the observation method, meanwhile, a questionnaire is used after the intervention phase to identify the effectiveness of the group coaching implementation. Interview data are analyzed manually to determine themes based on the objectives of the study. Meanwhile, the questionnaire data are also analyzed manually by taking into account the values of frequency, percentage, and mean based on the objectives. Overall, the findings of the study show that the group coaching method through the scaffolding technique can attract students' interest and form positive attitudes, increase students' level of satisfaction, as well as increase students' level of knowledge and skills in the process of producing high-quality tasks. Through this study, the researcher hopes that all lecturers could strengthen the method of guiding students through the scaffolding technique to produce excellent and brilliant assessment tasks to ensure that learning outcomes could be achieved as a whole.

Keywords: Scaffolding technique, group coaching method, students task

**Received:** Mei 28, 2021; **Accepted:** August 19, 2021; **Published:** September 08, 2021

© 2021 PKS. All rights reserved.

\* Corresponding author: nkhayati1983@gmail.com

## **PENGENALAN**

Istilah *scaffolding* telah diperkenalkan oleh Wood, Bruner dan Ross (1976) dalam kajian mereka mengenai percakapan antara ibu bapa dan anak pada fasa awal perkembangan kanak-kanak. Kemudian *scaffolding* ini telah diadaptasikan ke dalam dunia pendidikan dan digunakan sebagai satu proses bimbingan yang diberikan guru kepada pelajar untuk menyelesaikan permasalahan, melaksanakan tugas bagi mencapai tujuan pembelajaran sehingga pelajar dapat melakukan pembelajaran sendiri terhadap apa yang dipelajari. Tujuan pembelajaran dapat dicapai sekiranya pelajar memahami apa isi kandungan tugas yang ditulis dan dipelajari. Tugas pentaksiran kursus yang berbentuk penulisan memerlukan bimbingan yang konsisten daripada pensyarah kerana ia melibatkan penguasaan kemahiran menganalisis maklumat, menghurai, dan merumus. Ini dijelaskan oleh Leonardo (2020) di mana *scaffolding* dikenal pasti sebagai bantuan mentor yang penting dalam membantu pelajar melaksanakan tugas dengan baik selain daripada faktor dorongan sendiri yang konsisten. Pendapat ini disokong oleh Chatraporn Piamsai (2020) di mana *scaffolding* memainkan peranan yang penting dalam penguasaan kemahiran bahasa dan penulisan terutama kepada kumpulan pelajar yang lemah dalam penguasaan kemahiran menulis. Justeru, teknik *scaffolding* dalam kaedah bimbingan berkelompok dilihat relevan diaplikasikan sebagai satu langkah intervensi kepada para pensyarah bagi meningkatkan hasil kualiti tugas pelajar di dalam pentaksiran kursus.

## **REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU**

Proses pentaksiran adalah sangat penting dalam menilai perkembangan pencapaian pelajar dan juga mentafsir kualiti proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Menurut Mohd Fadhli (2008), pentaksiran adalah sebarang kaedah yang digunakan untuk menambah kefahaman tentang pengetahuan semasa yang dimiliki oleh pelajar. Hal ini bermaksud pentaksiran merupakan suatu penilaian subjektif pensyarah berdasarkan satu pemerhatian ke atas pencapaian pelajar. Pelaksanaan pentaksiran dalam Mata Pelajaran Umum di politeknik adalah berdasarkan konsep Penilaian Berterusan (PB) melalui tugas kerja kursus seperti projek, e-folio, tunjuk cara, pembentangan dan Tugas Berasaskan Masalah (PBT) bagi memastikan hasil pembelajaran kursus (CLO) serta hasil pembelajaran program (PLO) dapat dicapai.

Bagi memastikan tugas kerja kursus dilaksanakan dengan yang baik, pelajar haruslah diberikan bimbingan yang berstruktur oleh pensyarah agar hasil kerja mereka memberi impak terhadap proses pembelajaran. Namun menurut Dahlia, Norzalina & Mahzan (2020), permasalahan yang berlaku dalam sistem pendidikan tinggi ialah pelajar tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah kerana tidak mempunyai kemahiran dan tidak memahami kehendak pensyarah terhadap tugas yang diberikan. Hal ini disokong oleh Hei dan David (2015) yang mendapati kebanyakan pelajar pascasiswazah di universiti awam tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis yang diperlukan dalam kebanyakan program pascasiswazah. Ini menyebabkan pelajar tidak berkeupayaan menganalisis bahan-bahan tugas dengan baik dan mendorong kepada isu plagiat akademik. Daripada pemerhatian yang dibuat, mendapati sebilangan pelajar tidak memenuhi kriteria rubrik pemarkahan tugas yang ditetapkan menyebabkan kebolehcapaian skor pelajar dalam penilaian berterusan (PB) adalah rendah.

Berpandukan hasil semakan pensyarah terhadap tugas kerja kursus pelajar sesi Jun 2020, penyelidik telah menemui isu dan permasalahan yang sama yang dilakukan oleh kebanyakan pelajar. Penyelidik mendapati pelajar tidak dapat mengolah isi dan huraian dalam laporan tugas efolio, projek dan Tugas Berasaskan Masalah (PBT) dengan baik. Apa yang mengejutkan penyelidik adalah sebahagian isi hanya bersifat "*copy and paste*" sahaja daripada bahan rujukan asal yang diperoleh pelajar tanpa mengolah ayat tersebut walaupun mereka telah berada dalam pengajian diploma. Tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar juga terhad menyebabkan isi yang ditulis tidak berkembang. Selain itu, masih banyak pelajar yang melakukan kesilapan ejaan dan

banyak ayat tergantung yang dibina oleh pelajar menyebabkan huraian tidak dapat difahami.

Sebahagiannya ada juga yang menggunakan perkataan yang biasa digunakan dan berulang-ulang apabila ingin menghuraikan sesuatu perkara. Apabila penyelidik bertanya kepada pelajar tentang keadaan ini, jawapan yang diberi oleh mereka mudah sahaja iaitu "*madam, kami tak jumpa isi yang bertepatan dengan tajuk...*" Ada juga dalam kalangan pelajar yang menanyakan saya markah bagi bahagian membina ayat tersebut. Maka, penyelidik melihat seolah-olah mereka telah patah semangat untuk memahami dan memperkaya kosa kata mereka. Apabila saya bertanya mereka, jawapan yang diberikan oleh mereka ialah "*... susah untuk kami buat ayat yang bernas.*" Penyelidik menyedari ramai dalam kalangan pelajar mempunyai asas bahasa melayu yang agak lemah.

Permasalahan ini ditambah lagi dengan pensyarah yang menggunakan strategi yang agak terhad dalam memberi tunjuk ajar terhadap pelaksanaan tugas kerja kursus disebabkan faktor kekurangan pengetahuan, pengalaman, dan kemahiran bimbingan berkelompok. Hal ini selari dengan pendapat Sufatmi Suriyanti, dan Aizan (2016) bahawa pensyarah kurang pendedahan terhadap pemahaman dan pendekatan penulisan yang baik dalam penghasilan laporan kerja kursus. Permasalahan seperti ini menyebabkan pelajar kurang keyakinan diri dan berasa sukar untuk melaksanakan tugas akademik (Nor Khayati, Mohd Isa, & Khadijah, 2017). Hasil temu bual penyelidik bersama pensyarah mendapati:

*"Saya telah berusaha memberikan contoh-contoh tugas yang sesuai kepada pelajar supaya mereka boleh membuat rujukan dan panduan semasa menyiapkan tugas. Saya juga telah memberikan penerangan yang jelas mengenai kriteria pemarkahan dan rubrik penilaian bagi setiap tugas yang diberikan. Namun, sebahagian pelajar masih gagal memenuhi arahan & rubrik yang ditetapkan. Saya dapati antara faktor pelajar tidak dapat mengolah isi dan huraian dengan baik adalah disebabkan kurang membuat rujukan dan bacaan serta penguasaan kosa kata yang terhad. Kelemahan ini juga merupakan rentetan daripada kekurangan penguasaan kemahiran penulisan yang baik dan pengabaian terhadap kepentingan penguasaan kosa kata serta kurangnya latihan membina ayat dalam proses PnP". "Sekiranya keadaan ini tidak diperbetulkan, pelajar tidak dapat menghasilkan tugas dengan baik dan berkualiti seterusnya akan menjejaskan pencapaian pelajar dalam kursus Mata Pelajaran Umum yang mereka ambil.*

Justeru, berdasarkan isu-isu yang dikenal pasti, penyelidik merasakan bimbingan kelompok menggunakan teknik *scaffolding* adalah strategi yang sesuai dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan yang berlaku kerana dapat membantu penglibatan pelajar secara konsisten dalam menghasilkan tugas kerja kursus yang lebih berkualiti. Maka kajian ini adalah relevan dilaksanakan untuk melihat keberkesanan penggunaan teknik *scaffolding* melalui kaedah bimbingan berkelompok terhadap pelaksanaan tugas kerja kursus mata pelajaran umum di politeknik. Bimbingan berkelompok merupakan kaedah panduan yang dilakukan oleh ketua kelompok terhadap sekumpulan individu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

## **FOKUS KAJIAN**

Kemahiran menganalisis dan merumuskan bahan atau maklumat adalah penting dalam membuat tugas kerja kursus yang berkualiti dan menepati pencapaian piawaian "*Course Learning Outcome*" (CLO) dan "*Program Learning Outcome*" (PLO). Wright dan Larsen (2016) turut menjelaskan dalam menghasilkan penulisan yang baik perlu mengambil kira kandungan dan pendekatan penulisan yang mudah difahami oleh audien. Namun, melalui pemerhatian pensyarah, kebanyakan pelajar selalu melakukan plagiarism dalam tugas yang dihasilkan. Noraini (2016) menyatakan pelajar masih menghadapi masalah penulisan apabila dikenal pasti melakukan plagiat dalam tugas walaupun *Turnitin* telah disediakan.

Hal ini berpunca daripada masalah untuk mengolah ayat daripada sumber rujukan. Sehubungan itu, pengkaji turut mendapati pelajar tidak mempunyai kemahiran dalam menghuraikan huraian tugas yang sewajarnya daripada pensyarah. Penulisan akademik yang asli memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang jelas tentang maksud plagiarisme dan kesedaran integriti akademik dalam kalangan pelajar (Noraini, 2016).

Justeru, pengkaji percaya bahawa langkah segera perlu diambil bagi mengatasi masalah pelajar yang tidak mampu mengolah huraian daripada sumber dapatan. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan kaedah bimbingan berkelompok melalui teknik *scaffolding* dalam usaha meningkatkan kualiti tugas pelajar. Melalui kajian Norzaharah (2011) telah mendapati teknik *scaffolding* secara berkumpulan telah berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan, meningkatkan tahap konsentrasi pelajar, meningkatkan pemahaman pelajar terhadap topik, peningkatan dalam pencapaian pelajar seterusnya membolehkan objektif pembelajaran tercapai. Jadi, pengkaji percaya melalui kaedah bimbingan berkelompok melalui teknik *scaffolding* dapat membantu pensyarah dalam meningkatkan tahap kemahiran pelajar dalam membuat tugas yang berkualiti. Pengkaji berharap hasil analisis data akan dapat membantu pengkaji mengenal pasti sama ada intervensi yang akan dilaksanakan dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengolah isi huraian daripada sumber rujukan.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umum, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti intervensi yang bersesuaian dalam meningkatkan tugas pelajar. Melalui kajian ini, secara spesifik pengkaji ingin menentukan keberkesanan teknik *scaffolding* dalam meningkatkan kualiti tugas pelajar.

### **SASARAN KAJIAN**

Kajian ini melibatkan 4 orang pelajar semester 2 yang telah mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (MPU21032) semasa semester 1 di Politeknik Kuching Sarawak. Pelajar-pelajar tersebut dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini kerana ia dapat memenuhi kriteria tujuan penyelidikan dijalankan dan mempunyai latar belakang pengalaman berkaitan langkah-langkah menyelesaikan tugas serta pengetahuan dalam mencari bahan rujukan bagi menyelesaikan tugas. Persampelan ini juga dilakukan bagi memastikan sub kumpulan daripada populasi pelajar dapat mewakili variasi maklumat dalam kajian tindakan ini.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Perlaksanaan kajian tindakan ini melibatkan pra-perlaksanaan iaitu tinjauan masalah dan pelaksanaan sebenar kajian tindakan yang dilaksanakan berdasarkan model Kemmis dan Mc Taggart, (1988).

#### TINJAUAN MASALAH

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan kaedah temubual berstruktur, analisis dokumen, membuat pemerhatian berstruktur, dan mengedarkan soal selidik untuk menentukan masalah pelajar yang sebenarnya dalam melaksanakan tugas (Jadual 1).

#### ANALISIS DOKUMEN

Penyelidik telah mendapatkan maklumat pencapaian kumpulan sasaran melalui kaedah analisis dokumen penilaian iaitu berpandukan analisis pencapaian CORR bagi kursus MPU21032 sesi Jun 2020. Analisis pencapaian ini lebih memfokuskan skor markah yang diperoleh oleh kumpulan sasaran dalam pelaksanaan tugas projek. Ini kerana jumlah skor markah tugas ini merangkumi 40% daripada keseluruhan markah PB pelajar. Maka kebarangkalian skor markah bagi dua tugas ini mempengaruhi keseluruhan markah PB

pelajar adalah tinggi. Semakan dokumen juga telah merujuk kepada sampel tugas pelajar yang telah disemak oleh pensyarah berdasarkan rubrik pemarkahan untuk mengenal pasti kelemahan hasil tugas pelajar.

Jadual 1. Kaedah pengumpulan data

Langkah/ Masa	Cara penilaian	Kumpulan sasaran	Tujuan
Langkah 1 Minggu 1	Menganalisis rekod pencapaian CORR MPU21032 sesi Jun 2020	Pensyarah Kursus	Mengenal pasti pencapaian pelajar mengikut CLO/pentaksiran
Langkah 2 Minggu 1	Merujuk borang rubrik pemarkahan dan sampel tugas projek yang telah disemak.	4 orang pelajar	Mengenal pasti kelemahan pelajar dalam penyediaan tugas berdasarkan rubrik.
Langkah 3 Minggu 2	Temubual berstruktur (Lampiran 1)	4 orang pelajar Seorang pensyarah kursus	Temubual dijalankan secara bersemuka bagi mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam melaksanakan tugas.

### TEMU BUAL BERSTRUKTUR

Dalam kajian ini, kumpulan penyelidik telah menyediakan dua set soalan temu bual berstruktur kepada sekumpulan pelajar dan seorang pensyarah kursus MPU21032. Pemilihan metod temu bual berstruktur lebih menjimatkan kos dan dan membolehkan pengkaji mendapatkan data dengan lebih cepat dan menyeluruh.

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan ke atas 4 orang pelajar semester satu pada sesi Jun 2020 bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi dan mendapatkan maklum balas pelaksanaan bimbingan yang telah dijalankan dalam menyelesaikan tugas Penilaian Kerja Kursus, terdapat empat tema seperti berikut:

*Tema 1: Faktor pelajar tidak mahir dalam menyelesaikan tugas menggunakan perisian komputer dan mensintesis ayat*

Apabila ditanya berkaitan dengan kesukaran yang dihadapi dalam menyelesaikan tugas. Informan 1 menyatakan antara kesukaran yang dihadapi oleh kumpulan mereka adalah tidak mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam membangunkan video seperti menggunakan aplikasi filmora, kinemaster, dan sebagainya dalam tugas projek. Contohnya informan 1 menyatakan:

*"Erm...susahlah nak edit video tu sebab tiada kepakaran sangat dan susah nak mencari maklumat tentang topik tersebut"* (Informan 1)

Selain itu, Informan 1 dan informan 4 pula menyatakan mereka menghadapi kesukaran dalam membina ayat, menyusun ayat, dan mengembangkan ayat dengan contoh-contoh yang relevan dalam tugas e-folio. Contohnya, daripada maklum balas yang disampaikan termasuklah

*" erm...saya tak tahu bagaimana nak mulakan ayat, susun ayat dan cantikan ayat"* (Informan 4)

*"aaa..susahlah nak lengkapkan huraian dan isi dalam satu ayat"* (Informan 1)

*Tema 2: Faktor ahli kumpulan tidak memberikan kerjasama*

Informan 2 menyatakan dalam awal temubual yang dihadiri di mana kesukaran yang dihadapi dalam menyelesaikan tugas Penilaian Berterusan (PB) adalah disebabkan faktor rakan dalam kumpulan yang tidak memberi kerjasama dan hanya mengikut pendapatnya sahaja. Contoh seperti yang dinyatakan:

*"Ada juak sikit sikit masalah team, semua kena ikut arahannya jak. Masalah dirik nya sik mok terangkan dan tunjuk. Kerjasama kumpulan memang kurang sikit dalam kumpulan kami"* (Informan 2)

Situasi ini juga merupakan kesukaran yang dihadapi oleh pensyarah kursus apabila menyatakan kurangnya kerjasama yang padu daripada setiap ahli kumpulan menyebabkan kualiti tugas pelajar terjejas dan pensyarah menghadapi kesukaran untuk membuat penilaian yang menyeluruh.

### *Tema 3: Faktor pelajar tidak mahir mencari rujukan dan menganalisis maklumat*

Apabila ditanya berkenaan cara pelajar mendapatkan bahan rujukan yang berkaitan dan seterusnya menganalisis bahan rujukan yang diperolehi, semua informan menyatakan mereka tidak mahir dalam mencari rujukan dan menganalisis maklumat. Mereka hanya mencari maklumat melalui carian google dan mengambil informasi dalam blog yang mana dari segi akademiknya sumber tersebut tidak berautoriti dan tiada sumber rujukan. Contoh seperti yang dinyatakan:

*"...First kamek orang cari dalam google sahaja, mun bagi kmk, kalau kmk nangga tajuk yang sama, saya main ambik jak maklumat. Lepas ambik baru baca balik"* (Informan 2)

*"...Kalau dekat kamsis disediakan wifi, banyak rujukan kami cari di internet dan bagi analisis maklumat kalau majoriti pilih maklumat tersebut, jadi kita akan ambil maklumat tersebut"* (Informan 3)

Permasalahan ini juga diperakui oleh pensyarah kursus yang ditemu bual dengan menyatakan pelajar kekurangan maklumat tentang cara mendapatkan sumber rujukan yg berautoriti.

### *Tema 4 : Faktor Pensyarah*

Informan 1, 2, dan 4 mengharapkan pensyarah kursus dapat memberi bimbingan dalam menyelesaikan tugas penilaian berterusan kerana pelajar memerlukan bimbingan secara berkala dan penerangan yang terperinci supaya pelajar lebih memahami arahan tugas tersebut. Contoh seperti yang dinyatakan:

*"..yang saya harapkan agar pensyarah bagi contoh macamana nak polah dan eplain lebih lagi"* (Informan 4)

*"..apa yang saya harapkan agar pensyarah menerangkan lebih terperinci semua arahan supaya pelajar lebih memahami. Student tidak pandai mencari rujukan.."* (Informan 2)

*"..Kadang-kadang saya tak faham...saya harap pensyarah beri maklumat yang terliti dan lebih detail supaya dapat memahamkan pelajar.."* (Informan 1)

Walau bagaimanapun, dalam aspek bimbingan pensyarah kursus lebih cenderung untuk memberi ruang kepada pelajar menggunakan daya kreativiti mereka dalam menyempurnakan tugas setelah diberikan panduan asas dengan menyatakan:

*"Pada kebiasaannya, saya membimbing pelajar secara bersemuka dengan menerangkan secara asas berpandukan garis panduan, selanjutnya saya memberi ruang dan peluang kepada pelajar menggunakan kreativiti mereka dlm menyempurnakan tugas yang diberikan"*

Daripada analisis data temu bual ini, dapat dirumuskan antara kekangan dan masalah pelajar yang utama dalam menghasilkan tugas berkualiti adalah faktor pertama iaitu pelajar tidak mahir dalam menyelesaikan tugas kerana kurang kemahiran dan pengetahuan dalam perisian komputer serta pelajar tiada pengetahuan dalam mensintesis ayat dengan lebih berkesan serta faktor keempat iaitu faktor pensyarah.


Hal ini kerana pelajar mengharapkan bimbingan yang berkala dan pemahaman yang lebih terperinci serta jelas dalam menyiapkan tugas penilaian berterusan seterusnya menghasilkan tugas yang berkualiti terutamanya dalam pembinaan ayat, susunan ayat

dan cara mencari rujukan-rujukan daripada internet dari sumber yang berautoriti dan sahih. Daripada maklum balas yang dikongsi dan dapatan yang dianalisis, pengkaji telah meneruskan intervensi menggunakan teknik *scaffolding* melalui bimbingan berkelompok sebagai satu pelan tindakan dalam mengatasi masalah pelajar tersebut.

### PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN LANGKAH INTERVENSI

Teknik *scaffolding* merupakan bantuan atau bimbingan kepada pelajar bagi menyiapkan sesuatu tugas yang tidak dapat diselesaikan tanpa mendapat bantuan daripada guru. Bimbingan tersebut berupa dorongan, peringatan, menyelesaikan masalah, memberikan contoh, dan tindakan-tindakan lain yang membolehkan pelajar melakukan pembelajaran sendiri. Penyelidik memilih teknik ini kerana ia dapat merangsang pelajar memberi maklum balas dan menonjolkan kebolehan serta kemahiran mereka secara kolaboratif bersama rakan sekumpulan. Ini bertepatan dengan pandangan Aminah, Rustono, dan Desiani (2014) bahawa terdapat lima fasa dalam kemahiran penulisan yang boleh dibimbing secara teknik *scaffolding* iaitu fasa pra-tulis (*prewriting*), merangka (*drafting*), semakan (*revising*), pengeditan (*editing*) dan terbit (*publishing*).

Dalam fasa pertama *Pre-Writing/Reading*, pelajar diberi pendedahan dengan kemahiran mengumpul maklumat di mana mereka akan mencari seberapa banyak bahan rujukan yang bersesuaian dan membuat pembacaan awal bagi menyediakan rangka isi tugas secara bertulis. Pensyarah akan memberi panduan bagaimana mencari rujukan daripada sumber-sumber yang berautoriti dan menyemak draf tugas yang disediakan. Seterusnya, fasa kedua (*drafting*) pelajar dibimbing untuk meningkatkan kemahiran menghurai dan membina ayat. Semakan penulisan awal pelajar secara berkumpulan disemak dan perlu dibuat penambahbaikan dengan mengambil kira struktur ayat, penggunaan kosa kata yang tepat dan huraian isi yang bernas mengikut kriteria pemarkahan yang ditetapkan. Setelah itu proses *revising* dan *editing* perlu dilakukan bagi memastikan penulisan telah dibuat penambahbaikan secara keseluruhan dan dibuat rumusan. Hasil tugas yang telah ditambahbaik dan disemak, perlu dihantar kepada pensyarah secara sistematik (fasa *publishing*) untuk proses penilaian dan pemberian markah mengikut rubrik pentaksiran kursus.



Rajah 1. Peranan pensyarah dan pelajar melalui teknik *Scaffolding*

Dalam permasalahan ini, penyelidik telah membuat penambahbaikan terhadap cara bimbingan tugas kerja kursus dengan menggunakan teknik *scaffolding* berdasarkan fasa-fasa tersebut dengan penerapan kemahiran-kemahiran tertentu yang perlu dikuasai pelajar bagi memastikan matlamat bimbingan berkelompok tercapai. Proses bimbingan berkelompok akan dijalankan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2. Pelaksanaan aktiviti bimbingan berkelompok

Aktiviti / Tempat / Masa	Langkah pelaksanaan	Fasa/ Kemahiran yang dikuasai
Bimbingan Kelompok 1 (BK 1) Minggu 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah menerangkan perincian arahan tugas PBT dan efolio menggunakan poster infografik.</li> <li>• Pelajar diberikan contoh sampel tugas yang menepati kriteria pemarkahan.</li> <li>• Pelajar diminta mencari 5 bahan rujukan daripada sumber yang berautoriti dan menyediakan draf tugas.</li> <li>• Pensyarah memberikan contoh laman web yang sesuai untuk mencari rujukan.</li> <li>• Pensyarah memberikan video tutorial sebagai panduan tugas.</li> </ul>	<i>Pre-Reading/writing</i> Kemahiran memproses maklumat
Bimbingan Kelompok 2 (BK 2) Minggu 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar membentangkan draf tugas dan disemak oleh pensyarah.</li> <li>• Pelajar melakukan perbincangan dan menulis ayat pendahuluan dan menghuraikan isi yang dipilih. (pendahuluan : 8 ayat) (Huraian setiap isi : 8 ayat)</li> <li>• Pelajar memilih grafik persembahan yang sesuai dengan tema tugas</li> </ul>	<i>Drafting</i> Kemahiran menghuraikan dan membina ayat
Bimbingan Kelompok 3 (BK3) Minggu 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar menyediakan draf tugas yang kedua untuk disemak oleh pensyarah dan rakan sekumpulan menggunakan templet yang disediakan.</li> <li>• Pensyarah dan ahli kumpulan memberi maklum balas dan cadangan penambahbaikan.</li> </ul>	<i>Revising</i> Kemahiran berfikir dan menganalisis
Bimbingan Kelompok 4 (BK4) Minggu 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar menyediakan rumusan tugas mengikut format yang ditetapkan.</li> <li>• Pelajar membuat penambakan dan menyediakan draf terakhir tugas.</li> <li>• Pensyarah membuat semakan pengukuhan dan memberikan maklum balas.</li> <li>• Pelajar menghantar tugas yang telah lengkap menggunakan platform yang disediakan.</li> </ul>	<i>Editing</i> Kemahiran merumus
<i>Submission Day</i> Minggu 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar diberikan senarai semak untuk memastikan tugas yang dihantar telah lengkap mengikut susun atur yang dikehendaki.</li> </ul>	<i>Publishing</i> Kemahiran mengurus Maklumat

#### PEMERHATIAN BERSTRUKTUR

Penyelidik telah membuat pemerhatian dan merekod maklumat menggunakan senarai semak berdasarkan set aktiviti semasa sesi bimbingan berkelompok dijalankan. Pemerhatian dibuat ke atas setiap pelajar berdasarkan rubrik disenaraikan dan direkodkan dalam bentuk jadual.

1. Bercakap sebagai memberi respon terhadap apa yang dibincangkan.
2. Bersikap pasif dan tidak fokus.



3. Suka bertanya soalan.
4. Selalu melihat telefon bimbit.
5. Mencatat isi perbincangan dengan pensyarah.
6. Termenung dan khayal.

### SOAL SELIDIK

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah menyediakan soal selidik yang telah diedarkan kepada kumpulan sasaran selepas pelaksanaan langkah intervensi bimbingan berkelompok untuk menilai keberkesanan teknik scaffolding yang dijalankan. Aspek keberkesanan pelaksanaan teknik yang dinilai merangkumi tahap pengetahuan, kemahiran, dan sikap pelajar selepas menjalani langkah intervensi.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Sejauh mana teknik *scaffolding* melalui kaedah bimbingan berkelompok berkesan dalam meningkatkan kualiti tugasan pelajar?**

#### Analisis Pemerhatian Berstuktur

Pemerhatian berdasarkan enam aktiviti yang ditentukan telah direkodkan dalam bentuk jadual (Jadual 3) apabila setiap skan dijalankan. Skan melibatkan pemerhatian terhadap aktiviti atau sesuatu proses tindakan yang berlaku dalam sesi bimbingan. Dalam Jadual 3, sebanyak 10 skan telah dijalankan dan nombor dicatatkan pada petak di mana seorang pelajar itu diperhatikan telah menjalankan aktiviti yang dimaksudkan.

Jadual 3. Jadual pemerhatian semasa kaedah bimbingan berkelompok dijalankan

Pelajar	Skan										%
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
Iqmal	1	5			3				2		40
Iskandar	6		5				1	3	5	4	60
Bibbyana	2	2	4						4		40
Hafiqah	5	5	3	1	1	3	3	5			80

Daripada Jadual 3 di atas, Hafiqah didapati telah menjalankan paling banyak aktiviti (80%) merangkumi (i) mencatat isi perbincangan, (ii) suka bertanya soalan, (iii) bercakap memberi respon dalam perbincangan. Daripada ketiga-tiga aktiviti ini, Hafiqah didapati paling memberi tumpuan dan berminat dengan kaedah bimbingan secara berkelompok yang dijalankan. Sehubungan itu, pemerhatian turut mendapati Bibbyana sahaja yang didapati kurang memberi fokus kerana 40% aktiviti yang dilakukan semasa intervensi, beliau bersikap pasif, dan selalu melihat telefon bimbit. Ini menunjukkan kaedah bimbingan kelompok secara teknik *scaffolding* yang dijalankan kepada responden dapat menarik minat dan memberi kesan yang positif dalam proses melaksanakan tugasan yang berkualiti.

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### *Tahap kepuasan peserta kursus terhadap kaedah bimbingan berkelompok*

Dapatan daripada Jadual 1 telah menunjukkan kepuasan peserta kursus berkaitan dengan objektif keseluruhan bimbingan berkelompok dengan skor min tertinggi iaitu 4.75. Namun "kualiti tugasan pelajar" mencapai skor min yang terendah iaitu 4.25. Analisis telah menunjukkan terdapat item-item yang mendapat skor min yang sama iaitu "kepakaran pensyarah/pembimbing" dan item "penilaian keseluruhan bimbingan berkelompok". Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati tahap kepuasan peserta kursus terhadap bimbingan berkelompok mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.0 keatas. Analisis turut menunjukkan responden bersetuju pencapaian objektif pada skor yang masih tinggi

iaitu 4.5. Ini membuktikan objektif bimbingan berkelompok tercapai melalui kajian tindakan ini. Hal ini bertepatan dengan pendapat Jamaluddin dan Nur Liyana (2008) di mana bimbingan kelompok dapat memberi bantuan yang lebih efektif kepada peserta atas keistimewaan dan kekuatan yang tersendiri.

*Jadual 4. Kepuasan peserta kursus terhadap kaedah bimbingan berkelompok*

Item	Skor Min
Kesesuaian objektif keseluruhan bimbingan berkelompok	4.75
Kualiti tugas pelajar	4.25
Kepakaran pensyarah/pembimbing	4.25
Teknik pensyarah/pembimbing yang telah dilaksanakan	4.50
Pencapaian objektif keseluruhan bimbingan berkelompok	4.50
Penilaian keseluruhan bimbingan berkelompok	4.25

*Penilaian peserta kursus terhadap bimbingan berkelompok*

Jadual 4 menunjukkan peserta kursus yakin dapat berkongsi kemahiran membuat tugas yang berkualiti kepada rakan dengan skor min tertinggi iaitu 5.0 pada aspek kemahiran peserta kursus setelah mengikuti bimbingan berkelompok yang dikendalikan oleh pensyarah. Namun, maklum balas responden turut menunjukkan terdapat tiga item yang mendapat skor min terendah iaitu 4.25 dalam aspek pengetahuan item "peningkatan pengetahuan dalam melaksanakan tugas kursus", item "boleh mengaplikasikan pengetahuan yang berkenaan dalam menyiapkan tugas", dan item yang terdapat pada aspek kemahiran "boleh mengaplikasikan kemahiran dalam menyiapkan tugas". Walau bagaimanapun, ketiga-tiga item ini masih lagi mencapai skor yang tinggi iaitu 4.0 dan ke atas. Secara keseluruhan, bimbingan berkelompok bagi peserta kursus telah mencapai skor min yang tinggi iaitu 4.75 bagi setiap item. Hal ini menunjukkan bimbingan berkelompok dapat membantu pelajar dalam menghasilkan tugas yang berkualiti. Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Corey (2009) menyatakan bimbingan kelompok dapat boleh berfungsi sebagai alat pembelajaran eksperimen untuk membantu meningkatkan tingkah laku, kemahiran, dan pengetahuan.

*Jadual 5. Penilaian peserta kursus*

Item	Skor Min
<b>ASPEK PENGETAHUAN</b>	
Saya ada peningkatan pengetahuan dalam melaksanakan tugas kursus	4.25
Saya boleh mengaplikasikan pengetahuan yang berkenaan dalam menyiapkan tugas	4.25
Saya dapat berkongsi pengetahuan yang dipelajari dengan rakan sekelas	4.75
<b>ASPEK KEMAHIRAN</b>	
Kemahiran penulisan saya bertambah untuk menghasilkan tugas kursus yang lebih berkualiti	4.75
Saya boleh mengaplikasikan kemahiran penulisan yang diterapkan dalam menyiapkan tugas	4.25
Saya dapat berkongsi kemahiran berkenaan dengan rakan sekelas	5.0
<b>ASPEK SIKAP</b>	
Saya berminat dengan bimbingan kelompok yang diberikan	4.75
Saya yakin melaksanakan tugas apabila dibimbing secara berkelompok oleh pensyarah	4.75
Saya bermotivasi untuk berusaha menghasilkan tugas yang berkualiti	4.5
Saya mempunyai persepsi positif terhadap bimbingan kelompok yang diberikan	4.5
<b>ASPEK HASIL KESELURUHAN</b>	
Objektif keseluruhan bimbingan berkelompok tercapai	4.75
Kualiti tugas yang dihasilkan adalah memuaskan	4.75
Kepakaran pensyarah adalah baik	4.75
Pelaksanaan bimbingan berkelompok membuatkan saya lebih berdisiplin dalam menyiapkan tugas	4.75
Pelaksanaan bimbingan berkelompok membuatkan saya lebih komited dalam menyiapkan tugas	4.75

## REFLEKSI KAJIAN TINDAKAN

Berdasarkan semakan dan pemerhatian kami, setelah proses intervensi dijalankan, tugas e-folio bagi Kursus MPU23042 dan MPU23052 yang dihasilkan pelajar menunjukkan peningkatan yang agak ketara. Pelajar dapat menguasai dengan baik kemahiran menghurai dan membina ayat dalam menyediakan tugas e-folio yang berkonsepkan e-majalah menggunakan sumber-sumber rujukan yang diperolehi. Kesalahan dalam olahan ayat yang mencampur adukkan isi yang disalin semula daripada bahan rujukan dapat dikurangkan. Susunan isi yang dipersembahkan lebih teratur dan kemas mengikut format tugas yang ditetapkan. Penulisan pelajar lebih tersusun mengikut kerangka yang dimaklumkan di dalam sesi bimbingan berkelompok sebelum ini. Walau bagaimanapun, kemahiran merumus isi penulisan didapati masih perlu ditingkatkan lagi dengan memberi penegasan isi utama terhadap isu yang diperbincangkan. Hasil kajian tindakan yang dijalankan menunjukkan teknik *scaffolding* yang digunakan dalam bimbingan berkelompok adalah berkesan dalam mengatasi permasalahan penghasilan tugas pelajar yang kurang berkualiti sebelum ini. Selain teknik *scaffolding* sesi bimbingan dikukuhkan juga dengan memberikan contoh paparan e-majalah seperti muka depan, isi kandungan dan olahan serta panduan video tutorial sebagai rujukan kepada pelajar dalam proses menyiapkan tugas. Secara keseluruhannya, penyelidik berasa gembira dan berpuas hati dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pelajar untuk mengikuti sesi bimbingan berkelompok yang dijalankan. Penyelidik mencadangkan agar teknik ini diterapkan dalam kaedah bimbingan yang telah sedia dilaksanakan oleh kebanyakan pensyarah bagi mempertingkatkan kualiti tugas pelajar dengan lebih baik.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian tindakan yang dijalankan, dapat disimpulkan kaedah bimbingan secara berkelompok melalui teknik *scaffolding* ke atas kumpulan sasaran telah membantu mereka menyelesaikan tugas penulisan e-folio dengan lebih berkesan. Penulisan dalam tugas e-folio yang dihasilkan telah didapati lebih tersusun daripada aspek penstrukturan ayat, huraian, dan rumusan. Teknik *scaffolding* yang dilaksanakan merangkumi fasa-fasa dalam kemahiran penulisan iaitu proses *pre writing/reading, drafting, revising, editing, dan publishing* telah berjaya meningkatkan penguasaan pelajar dalam aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap terhadap tugas yang dilaksanakan. Kajian ini diharapkan dapat membantu para pensyarah untuk mengukuhkan kaedah bimbingan pelajar melalui teknik *scaffolding* dalam menghasilkan tugas pentaksiran yang lebih cemerlang bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai secara menyeluruh.

## RUJUKAN


- Aminah Marifah, Rustono W. S., & Desiani Natalina. (2014). *Scaffolding* pada pembelajaran menulis teks deskriptif bahasa inggeris di kelas V sekolah dasar. *Jurnal Imliah Mahasiswa Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 1(2), 46-53.
- Chatraporn Piamsai. (2020). The effect of scaffolding on non-proficient efl learners' performance in an academic writing class. *Language Education and Acquisition Research Network Journal*, 13(2), 288-305.
- Corey G. (2009). *Theory and practice of group counseling* (8th ed.). Thomson Learning, USA.
- Jamaluddin Ahmad & Nur Liyana Mohd Ibrahim. (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- LG Mera Andrade. (2020). Self-assessment and scaffolding strategies to improve writing in high school students. Universidad Casa Granda. (Unpublished master's dissertation). Universidad Casa Granda.

- Mohd Fadhli Ahmad. (2008). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di negeri Johor*. (Unpublished master's thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2017). Sikap dalam pembelajaran berasaskan projek terhadap pencapaian pelajar di politeknik Perak. *Jurnal Tinta Atikulasi Membina Ummah*, 3(1), 1-14.
- Noraini Talib. (2016). Masalah plagiarisme dan amalan penggunaan turnitin dalam kalangan pelajar siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 8(2), 1-15.
- Norzaharah Yahaya. (2011). *Keberkesanan teknik scaffolding secara berkumpulan terhadap Pendidikan Sirah*. Universiti Utara Malaysia. (Unpublished master's dissertation). Universiti Utara Malaysia.
- Wood, D., Bruner, J. S., & Ross, G. (1976). The role of tutoring in problem solving. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 17(2), 89-100.
- Wright, N. D., & Larsen, V. (2016). Improving marketing students' writing skills using a one-page paper. *Marketing Education Review*, 26(1), 25-32. <https://doi.org/10.1080/10528008.2015.1091666>

LAMPIRAN



Sesi temubual secara atas talian




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KUALUMPUR	
KURSUS	MPU23052- SAINS TEKNOLOGI & KEJURUTERAAN DALAM ISLAM
SEMESTER	2
JENIS PENTAKSIRAN	e-FOLIO (30%)
TOPIK BERKAITAN	TOPIK 4 : PRINSIP SYARIAH DAN ETIKA ISLAM DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN TOPIK 5 : KAEDAH FIQH DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
HASIL PEMBELAJARAN	CLO 3: Menghubungkan minda ingin tahu dengan prinsip syarah, etika dan kaedah fiqh dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan dalam Islam. (A4, CLS 4)

**ARAHAN TUGASAN :**  
 Sila patuhi setiap item pentaksiran yang dijelaskan di bawah :

1. Pelajar dikehendaki menghasilkan satu Tugas e-Folio dengan mencari maklumat yang terperinci berdasarkan topik 4 dan 5 iaitu PRINSIP SYARIAH DAN ETIKA ISLAM DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN & KAEDAH FIQH DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN.
2. Dilaksanakan secara berkumpulan iaitu 2-4 orang pelajar bagi setiap kumpulan atau mengikut kepada kesesuaian bilangan pelajar di dalam kelas.
3. Pemarkahan akan dinilai berdasarkan hasil kerja berkumpulan. Pensyarah akan menentukan tajuk bagi setiap kumpulan secara undian.

Sesi BK 1: penerangan arahan tugas (*pre-reading & writing*)



DRAF ISI E-MAJALAH	
NAMA KETUA KUMPULAN	: <u>Bredley Dexter Anthony</u>
TAJUK MAJALAH (TEMA)	: <u>Jenayah Siber</u>
NAMA MAJALAH	: <u>Alam Siber</u>
<b>PENGENALAN</b>	
<b>E-Jenayah Ancaman Masa Kini</b>	
<p><u>Jenayah siber merupakan jenayah yang dilakukan melalui komputer dalam internet. Mangsa yang terlibat dalam jenayah siber akan mengalami kerugian serta mangsa akan menderita secara mental dan fizikal. Contoh jenayah siber ialah perjenayah siber akan muel turun data peribadi mangsa, pemalsuan, peras ugut, menipu harta benda mengubah data-data dan lain-lain melalui internet. Hal ini bertujuan untuk mengakibatkan penderitaan dan kerugian mangsa-mangsa jenayah siber. Jenis jenayah siber yang biasa kita dengar termasuklah penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian ke atas program atau komputer, kecurian</u></p>	

Sesi BK 2 & 3 : Semakan draf tugas (*drafting & revising*)

**'FILEM BARAT MERESAPI MINDA MASYARAKAT'**  
 OLEH DENILSON LAHA

Film adalah salah satu contoh daripada media fotografi dan merupakan sumber komunikasi melalui ekspresi onrka yang di salurkan kepada penonton sebagai penerima mesej. Pelbagai genre filem di persembahkan seperti komedi, romantic, seram dan thriller Di Malaysia, para penggiat filem lebih gemar mengisahkan filem bertunsur ketimaran, romantis komedi, patriotic dan kadang kadang berintipatkan isu-isu semasa. Lembaga Penapisan Filem (LPF) telah mengizinkan beberapa perkara yang tidak di benarkan terkandung dalam filem yang bakal di skrin. Ini adalah sebagai satu usaha untuk mengekalkan budaya ketimuran Malaysia. Sudah pastinya bukan filem 'orang kita' sahaja yang menjadi sajian penonton untuk mencari hiburan selain mendapat maklumat. Lebih baik di pangung-panggung wayang dan jalan-jalan vod dan dvd di beberapa pusat membeli belah, filem-filem dari negara luar turut mendapat perhatian masyarakat kita. Filem buakt sihir 'Harry Potter' sebagai contohnya telah menggempakan industri perfilman di seluruh dunia kerana telah berjaya mencapai jualan bulat-juta unit barapan jalan cerita berkaitan penuh khayalan dan imaginasi. Filem alam magik karya JK Rowling ini mampu memperaruhi istian penonton seluruh dunia malah seorang anak-anak kecil mumpu membahaskan aspek peribahasa bahasa tebel kisah buakt sihir dan rakan-rakannya Sememangnya tabiat membaca satu habit yang bertadiah tetapi sekiranya buakt berkumpulan bersama rakan-rakan atau

**LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGATASI JENYAH SIBER.**  
 PANDUAN - ILMUKOMARAH.COM/PERYATU

Kevujudan undangan siber yang oleh ada masih belum mampu untuk melindungi atau menarasakan jayah cyber yang semakin bijak dan berkesan. Berdasarkan maklumat Pusat Keselamatan ICT dan Tindakan Keselamatan Kebangsaan (MISER) bagi tempoh tahun 1999 hingga 2007, ancaman dan serangan siber itu menunjukkan trend meningkat, atau daripada kira-kira 340 akan kepada hampir 40 ribu aduan oleh penggiat internet, jenis ancaman siber berbentuk pencarabias, serangan denyangan, pencerobohan, penggadam, serangan koo berbahaya, dan spam. Serangan siber yang paling kerap ialah menuai spam. Spam adalah bahan luhur susutan benoi: spaman froyk hasaan, dan judi yang semakin berlebas di internet. Pada tahun 2007 kira-kira 38.600 aduan spam dilaporkan kepada MISER. Cihud dengan pencerobohan (355 aduan), penipuan (364 aduan), dan koo berbahaya (182 aduan). Internet Security Threat Report yang diterbitkan oleh Symantec Corporation menyatakan Malaysia adalah antara negara sasaran yang paling mudah dan perenejer siber. Bagi tempoh Juli-Disember 2008, Malaysia beradas pada kedudukan keasad daripada 10 buah negara di wilayah

**JENYAH SIBER DAN MULTIMEDIA AKIBATKAN KERUGIAN LEBIH RM400 JUTA**  
 17 Januari 2016  
 Kerugian berdas akibat jayah siber di negara ini telah meningkat lebih RM400 juta. Berdasarkan Laporan Penyelidikan jayah siber dan keselamatan bahawa Pada 2015, RM400 juta telah hilang kerana jayah siber yang mengancam keselamatan peribadi dan kewangan. Laporan ini ditunjukkan bahawa kerugian akibat jayah siber telah meningkat daripada RM200 juta pada tahun 2014 kepada RM400 juta pada tahun 2015. Kerugian ini disebabkan oleh serangan siber yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna peribadi dan korporat. Laporan ini menunjukkan bahawa jayah siber telah menjadi ancaman yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna peribadi dan korporat. Laporan ini menunjukkan bahawa jayah siber telah menjadi ancaman yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna peribadi dan korporat.

**LANGKAH MUDAH KESELAMATAN SIBER**  
 1. Gunakan kata laluan 2. Kemaskini perisian keselamatan 3. Lindungi maklumat 4. Elakkan terpedaya 5. Bertutur ketika menggunakan internet 6. Periksa 7. Ambil Tahu 8. Laporkan 9. Fikir sebelum klik 10. Bertutur-hati

**JENIS JENYAH SIBER**  
 1. Penipuan 2. Penggodam 3. Penyerabran virus 4. Pornografi 5. Skim cepat kaya 6. Judi siber 7. Kecurian maklumat 8. Pengintipan 9. Capaian secara tidak sah kepada sistem 10. Menyialkan perisian secara tidak sah

**OBJEKTIF**  
 Tujuan percambahan median ini adalah untuk menyediakan maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai jayah siber, ancaman siber, keselamatan siber, dan cara melindungi diri daripada jayah siber. Media ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jayah siber dan cara melindungi diri daripada jayah siber. Media ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jayah siber dan cara melindungi diri daripada jayah siber.

**PENGENALAN CYBER CRIME**  
 Cyber crime adalah jayah siber yang melibatkan ancaman siber. Terdapat beberapa jenis cyber crime, termasuk penipuan, penggodam, dan jayah siber. Cyber crime adalah jayah siber yang melibatkan ancaman siber. Terdapat beberapa jenis cyber crime, termasuk penipuan, penggodam, dan jayah siber.

**COLOAN YANG BERISIKO MENJADI MANSA JENYAH SIBER**  
 1. Remaja 2. Orang Dewasa 3. Warga Emas

**KESIMPULAN**  
 Jayah siber merupakan suatu bentuk ancaman yang berbahaya pada masa kini dan ini merupakan satu bentuk ancaman yang berbahaya pada masa kini dan ini merupakan satu bentuk ancaman yang berbahaya pada masa kini. Terdapat beberapa jenis jayah siber, termasuk penipuan, penggodam, dan jayah siber. Terdapat beberapa jenis jayah siber, termasuk penipuan, penggodam, dan jayah siber.

<https://fliphtml5.com/fhoni/vtle>

Paparan hasil e-folio (submission & publishing)

**SOALAN PROTOKOL TEMU BUAL BERSTRUKTUR  
KUMPULAN SASARAN : 4 ORANG PELAJAR**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN TEMU BUAL</b>	<b>CATATAN</b>
1	Apakah pendapat anda tentang subjek MPU21032 Penghayatan Etika & Peradaban?	
2	Apakah kesukaran yang dihadapi dalam menyelesaikan tugas Penilaian Berterusan (PB) MPU21032 Penghayatan Etika & Peradaban?	
3	Apakah cara yang digunakan untuk mendapatkan bahan rujukan tugas?	
4	Bagaimanakah anda menganalisis bahan rujukan yang telah diperolehi?	
5	Apakah kesukaran dalam menyediakan laporan tugas PBT?	
6	Sejauh manakah arahan tugas yang diberikan oleh pensyarah difahami?	
7	Apakah kesukaran yang dihadapi dalam membina ayat dan membuat huraian isi-isi penting yang telah diperolehi?	
8	Apakah bentuk bimbingan yang anda harapkan daripada pensyarah kursus dalam penyediaan tugas?	

**SOALAN PROTOKOL TEMU BUAL BERSTRUKTUR  
KUMPULAN SASARAN : PENSYARAH KURSUS**

<b>BIL</b>	<b>SOALAN TEMU BUAL</b>	<b>CATATAN</b>
1	Apakah permasalahan pelajar yang dikenal pasti dalam penyediaan tugas?	
2	Apakah kesukaran yang dihadapi oleh anda dalam membimbing tugas pelajar?	
3	Bagaimana komitmen pelajar dalam pelaksanaan tugas?	
4	Bagaimanakah perbezaan kualiti tugas pelajar yang melalui proses bimbingan yang betul?	
5	Apakah kaedah bimbingan yang anda gunakan dalam pelaksanaan tugas pelajar?	

**BORANG SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PERLAKSANAAN  
INTEVENSI BIMBINGAN BERKELOMPOK**

**BAHAGIAN I : LATAR BELAKANG RESPONDEN**

Arahan: Lengkapkan ruangan kosong atau tandakan (√) di dalam kotak yang berkenaan.

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

Jantina : (      ) Lelaki                      (      ) Perempuan

Jabatan : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN II : KEBERKESANAN**

Tandakan (√) bagi penilaian anda untuk SETIAP SOALAN berdasarkan skala di bawah:

1 = Sangat Tidak Setuju

4 = Setuju

2 = Tidak Setuju

5 = Sangat Setuju

3 = Tidak Pasti

Bil.	Perkara	1	2	3	4	5
<b>ASPEK PENGETAHUAN</b>						
1	Peningkatan pengetahuan dalam melaksanakan tugas kursus.					
2	Saya boleh mengaplikasikan pengetahuan berkenaan dalam menyiapkan tugas					
3	Saya dapat berkongsi pengetahuan yang dipelajari dengan rakan sekelas					
<b>ASPEK KEMAHIRAN</b>						
4	Kemahiran penulisan saya bertambah untuk menghasilkan tugas kursus yang lebih berkualiti.					
5	Saya boleh mengaplikasikan kemahiran penulisan yang diterapkan dalam menyiapkan tugas					
6	Saya dapat berkongsi kemahiran berkenaan dengan rakan sekelas					
<b>ASPEK SIKAP</b>						
7	Saya cenderung dan berminat dengan bimbingan kelompok yang diberikan.					
8	Saya lebih yakin melaksanakan tugas apabila dibimbing secara berkelompok oleh pensyarah					
9	Saya lebih bermotivasi untuk berusaha menghasilkan tugas yang berkualiti.					
10	Saya mempunyai persepsi positif terhadap bimbingan kelompok yang diberikan					
<b>HASIL KESELURUHAN</b>						
11	Pencapaian objektif keseluruhan bimbingan berkelompok					
12	Kualiti tugas yang dihasilkan.					
13	Kepakaran pensyarah pembimbing					
14	Perlaksanaan bimbingan berkelompok membuatkan saya lebih berdisiplin dan komited dalam tugas.					
15	Penilaian keseluruhan bimbingan berkelompok					